



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011
BAHASA MELAYU
Kertas 1**

1103/1

Dua jam lima belas minit

2 ¼ jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 2 bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[Masa dicadangkan: 45 minit]

[30 markah]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kepentingan amalan menabung. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KEPENTINGAN AMALAN MENABUNG



PENDIDIKAN ANAK-ANAK



WAKTU KECEMASAN



DIJADIKAN PELABURAN



MENGELAKKAN SIKAP
SUKA BERHUTANG

Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 min]

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Pengorbanan wanita amat besar terutamanya dalam membentuk modal insan yang cemerlang.

Jelaskan ciri-ciri wanita yang anda kagumi berdasarkan contoh yang terdapat dalam kehidupan anda.

2. Institusi keluarga yang bahagia lahir daripada anggota keluarga yang saling menyayangi dan hidup dalam keadaan yang harmoni.

Bincangkan faktor-faktor yang menentukan pembentukan institusi keluarga yang bahagia.

3. Dahulu, masyarakat menganggap sampah atau bahan sisa hanyalah sebagai bahan buangan yang tidak mempunyai nilai dari segi ekonomi. Kini, tanggapan tersebut telah berubah dengan adanya Program Kitar Semula. Sampah dan bahan sisa menjadi sumber penting kepada sesetengah golongan rakyat dan dapat menyelamatkan bumi.

Huraikan kepentingan Program Kitar Semula.

4. Pergolakan politik di sesebuah negara membawa keburukan, bukan sahaja kepada negara terbabit tetapi juga kepada negara-negara lain.

Jelaskan pernyataan tersebut.

5. Peribahasa berat sama dipikul, ringan sama dijinjing bermaksud sikap bekerjasama dan tolong-menolong antara satu dengan yang lain. Peribahasa tersebut boleh dikaitkan dengan amalan hidup bermasyarakat.

Berikan pendapat anda.

KERTAS SOALAN TAMAT



JABATAN PELAJARAN NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011
BAHASA MELAYU
Kertas 1**

1103/1

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

KERTAS 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

[Lihat halaman sebelah

SULIT

JAWAPAN KARANGAN BAHAGIAN A:

Kepentingan Amalan Menabung

PENDAHULUAN

- Amalan menabung ialah amalan yang mulia.
- Boleh dilakukan di rumah atau di institusi kewangan.
- Anak-anak perlu dididik sejak kecil
- Menabung memberikan banyak faedah

ISI-ISI:

1. **Dapat digunakan untuk pendidikan anak-anak.**
 - Kos pendidikan ke IPTA / IPTS pada masa ini dan akan datang semakin meningkat.
 - Mengelakkan bebanan keluarga terutama sekiranya anak ramai.
2. **Dapat digunakan semasa kecemasan.**
 - Dalam urusan kematian dan kemalangan dan pada masa tua
 - Untuk menyara ahli keluarga yang tinggal
 - Menampung kos perubatan yang agak mahal pada masa ini.
3. **Boleh dijadikan pelaburan**
 - Menjamin masa hadapan.
 - Dapat hidup dalam keadaan selesa tanpa masalah kewangan.
 - Dapat melancong atau membeli barang-barang yang dikehendaki.
4. **Mengelakkan sikap suka berhutang**
 - Sikap berhutang menyebabkan kesempitan hidup
 - Dengan adanya wang simpanan, hutang yang ada dapat dilangsaikan – kita tidak akan berasa terbeban dengan hutang
 - Dapat mengelakkan diburu oleh pemiutang / along atau diisytiharkan muflis apabila gagal membayar hutang.

KESIMPULAN:

- Setiap orang perlu mengamalkan sikap menabung
- Sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit.

Perhatian :

Isi-isi ini hanyalah cadangan. Isi-isi lain yang relevan boleh diterima.

PANDUAN JAWAPAN (CADANGAN) – BAHAGIAN B

SOALAN 1

*Pengorbanan wanita amat besar terutamanya dalam membentuk modal insan yang cemerlang.
Jelaskan ciri-ciri wanita yang anda kagumi berdasarkan contoh yang terdapat dalam kehidupan anda.*

Pendahuluan :

- setiap individu mempunyai insan yang menjadi idola.
- lazimnya ibu atau wanita tertentu mempunyai keistimewaan yang kita kagumi.

Isi-isi cadangan : (Ciri-ciri positif – nilai-nilai yang sesuai)

- a. Baik hati
- b. Penyayang.
- c. Senang didampingi/didekati.
- d. Gigih/tabah/cekal
- e. Berbudi bahasa/Bersopan santun.
- f. Beriman/warak/alim.

Kesimpulan :

- Ciri-ciri yang positif yang ada pada diri wanita yang kita kagumi ini seharusnya dicontohi.

SOALAN 2

Institusi keluarga yang bahagia lahir daripada anggota keluarga yang saling menyayangi dan hidup dalam keadaan yang harmoni.

Bincangkan faktor-faktor yang menentukan pembentukan institusi keluarga yang bahagia.

Pendahuluan :

- Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menegaskan keutuhan institusi keluarga terletak pada pengurusan yang mapan.
- Setiap keluarga mengimpikan lahirnya suasana yang harmoni.
- Persoalannya apakah faktor-faktor yang menentukan pembentukan institusi keluarga yang mapan.

Isi-isi cadangan :

- a. Saling menyayangi
 - perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam dan berkekalan dalam keluarga.
 - Meraikan hari istimewa anggota keluarga
 - Menyampaikan rasa kasih sayang dengan pelbagai cara seperti melalui pertuturan dan tingkah laku
 - Ungkapan menarik : Yang tua dihormati, yang muda disayangi
- b. Tanggungjawab menjadi ibu dan anggota keluarga satu amanah
 - Penjagaan ibu dan anggota keluarga yang uzur dan memerlukan bantuan
 - Menjaga ibu dengan penuh kasih sayang
 - Menjaga anggota keluarga yang memerlukan pertolongan
 - Ungkapan menarik : Sayang emak sayang sahaja
Sayang ayah menambah harta
Sayang saudara sama-sama ada
- c. Mengamalkan nilai murni dan menunjukkan sifat terpuji
 - Mengamalkan nilai kerjasama, toleransi, tolong-menolong dalam keluarga
 - Menunjukkan sifat terpuji – berbudi bahasa
 - Luangkan masa yang berkualiti dengan anggota keluarga.

Kesimpulan:

- Sebuah keluarga yang dilimpahi dengan kasih sayang dapat menjamin keharmonian institusi keluarga.
- Konsep 'Rumahku Syurgaku' menjadi budaya dan falsafah hidup keluarga demi melahirkan keluarga yang bahagia.

SOALAN 3

Dahulu masyarakat menganggap sampah atau bahan sisa hanyalah sebagai bahan buangan yang tidak mempunyai nilai dari segi ekonomi. Kini, tanggapan tersebut telah berubah dengan adanya Program Kitar Semula. Sampah dan bahan sisa menjadi sumber penting kepada sesetengah golongan rakyat dan dapat menyelamatkan bumi.

Huraikan kepentingan Program Kitar Semula.

Pendahuluan :

- Definisi kitar semula
- Perkembangan semasa Kempen Kitar Semula
- Petikan berita dari Akhbar Mingguan Malaysia – dalam masa 5 hari – sampah seluas negeri Perlis (Berita Harian)

Isi-isi cadangan :

- a. Menjimatkan kos hidup.
 - penggunaan bahan-bahan kitar semula lebih murah.
- b. Mengelakkan pembaziran.
 - mengguna semula bahan-bahan yang boleh dipakai balik sama ada dengan mengubah fungsi bahan tersebut dengan mereka cipta barangan baharu atau menggunakannya semula seperti fungsi asalnya.
- c. Menjimatkan perbelanjaan negara.
 - negara tidak perlu membeli banyak bahan keperluan dari negara luar seperti kertas dan plastik.
- d. Menyelamatkan atau memanjangkan jangka hayat sumber semula jadi.
 - penggunaan sumber habis guna seperti petroleum dan mineral.
- e. Menjaga kebersihan alam sekitar.
 - mengurangkan kadar buangan bahan sisa yang menimbulkan masalah dari segi penyediaan tapak pelupusan sampah.
 - penghasilan bahan kitar semula dapat membantu mengurangkan sampah dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.
 - mengurangkan penggunaan beg plastik ketika membeli-belah.
- f. Menjadi sumber rezeki segelintir rakyat.
 - bahan-bahan buangan yang boleh dikitar semula boleh dijual di pusat-pusat pengumpulan.
 - membantu menangani masalah kemiskinan.
 - menjadi sumber pendapatan halal, mengurangkan gejala sosial seperti mencuri, meragut dan sebagainya.

Kesimpulan :

- 'Program Kitar Semula' dapat menyelamatkan alam sekitar.
- Kitar semula dapat mendidik dan menasihati masyarakat agar dapat menjaga alam sekitar.

SOALAN 4

Pergolakan politik di sesebuah negara membawa keburukan, bukan sahaja kepada negara terbabit tetapi juga kepada negara-negara lain.

Jelaskan pernyataan tersebut.

Pendahuluan :

- Isu semasa – Contoh : pergolakan politik di negara-negara Asia Barat seperti Libya, Mesir, negara Asean seperti Thailand.
- Tidak menguntungkan mana-mana pihak
- Menggugat keharmonian global

Isi-isi cadangan :

- a. Melumpuhkan ekonomi
 - hubungan perdagangan dan pelaburan dengan negara asing akan terjejas.
- b. Menggugat keselamatan rakyat dan keamanan negara.
 - Rusuhan dan tunjuk perasaan akan berleluasa
 - Rakyat biasa akan menjadi korban rusuhan dan keganasan.
- c. Menjejaskan struktur sosial masyarakat.
 - Mengheret rakyat kepada kancah perpecahan.
 - Wujud kumpulan pemberontak dan penyokong kerajaan.
- d. Menjejaskan industri pelancongan.
 - Pelancong dari luar enggan berkunjung ke negara bergolak
 - Bimbang akan keselamatan diri dan nyawa.
- e. Menjatuhkan maruah dan imej negara di peringkat antarabangsa
 - Kestabilan politik yang terjejas menjatuhkan nama baik negara
 - Hubungan diplomatik dengan negara asing akan tergugat
- f. Menggalakkan campur tangan asing / kuasa besar dunia.
 - Negara-negara kuasa besar akan mengambil kesempatan untuk mencampuri hal ehwal politik di negara yang bergolak
 - Kemungkinan akan berlaku imperialisme
 - Boleh mewujudkan kumpulan pemberontak yang menentang campur tangan kuasa asing itu

Kesimpulan :

- Setiap negara di dunia bertanggungjawab memastikan keamanan & kestabilan politiknya.
- Kekacauan politik akan merugikan negara berkenaan dan juga menjejaskan hubungan dengan negara asing.

SOALAN 5

Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing bermaksud sikap bekerjasama dan tolong-menolong antara satu dengan yang lain.

Bagaimanakah peribahasa tersebut boleh dikaitkan dengan amalan hidup bermasyarakat? Berikan pendapat anda.

Pendahuluan :

- Gambaran suasana bekerjasama dalam masyarakat seperti bergotong-royong.
- Peranan peribahasa dalam masyarakat – mendidik dan menasihati

PENSKORAN KERTAS 1, BAHASA MELAYU SPM

BAHAGIAN A		BAHAGIAN B	
Cemerlang (28 – 30) (26-27)	I = Jelas dan matang B = Gramatis & ada ungkapan menarik Kosa kata luas dan tepat	Cemerlang (90-100) (80-89)	T = Menjawab tugasan I = Jelas dan matang B = Gramatis dan bervariasi, ada ungkapan menarik. P = Menarik dan berkesan
Kepujian (23-25) (20-22)	I = Jelas B = Gramatis Kosa kata luas dan tepat	Kepujian (73 – 79) (66-72)	T = Menjawab tugasan I = Jelas B = Gramatis P = Menarik
Memuaskan (17-19) (15-16)	I = Masih jelas B = Masih gramatis	Baik (58 – 69) (51-57)	T = Menjawab tugasan I = Masih jelas B = Masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum P = Masih menarik
Kurang memuaskan (12-14) (10-11)	I = Kurang jelas B = Kurang gramatis	Memuaskan (43-50) (36-42)	I = Masih menjawab tugasan B = Kurang gramatis, banyak kesalahan bahasa P = Kurang menarik
Pencapaian minimum (06-09) (01-05)	I = Tidak tepat B = Keseluruhannya tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.	Kurang memuaskan (28-35) (21-27)	T = Masih menjawab tugasan I = Tidak jelas, campur aduk B = Tidak gramatis, masih difahami P = Tidak menarik
KARANGAN PENDEK			
150 – 199 p.p.	Maksimum 20 markah	Pencapaian minimum (11-20) (01-10)	Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis, dan sukar difahami.
100 – 149 p.p.	Maksimum 15 markah	300 – 330 p.p.	KARANGAN PENDEK
< 100 p.p.	Maksimum 10 markah	200 – 299 p.p.	Maksimum 50 markah
	Maksimum 10 markah	Kurang 199 p.p.	Maksimum 40 markah
	Maksimum 10 markah		Maksimum 30 markah
	Maksimum 10 markah		Maksimum 35 markah (Bahasa baik, olahan menarik)
	Maksimum 10 markah		Maksimum 5 markah

Marks
maksimum
10 bahasa
yg gramatis

CATAHAN:
Ungkapan yang menarik termasuk peribahasa (simpulan bahasa, bidalan, pepatah, petih dan perumpamaan) cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmah, hadis, maksud ayat Al-Quran dll.

Isi-isi cadangan :

- a. Bekerjasama dalam menjayakan aktiviti secara gotong royong spt membersihkan kawasan perumahan, kawasan kubur, taman permainan
- b. Bekerjasama dalam masyarakat berbilang kaum spt majlis perkahwinan
- c. Kerjasama dalam pembangunan negara
- d. Bersikap prihatin – bersama-sama menghulurkan bantuan ketika negara ditimpa bencana seperti banjir besar, tanah runtuh, kebakaran.
- e. Bekerjasama dalam keluarga.

Kesimpulan :

- Masyarakat hendaklah mempraktikkan amalan yang terkandung dalam peribahasa ini untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera.
- Saranan ini selaras dengan ‘Gagasan Satu Malaysia’ yang dipelopori oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perhatian :

Isi-isi ini hanyalah cadangan. Isi-isi lain yang relevan boleh diterima.

ARAS KEMAHIRAN	1			2			3			4			5			6			JUMLAH			
	R	S	T	R	S	T	R	S	T	R	S	T	R	S	T	R	S	T				
B.Malaysia 1																						
NO. SOALAN																						
BAHAGIAN :A																						
SOALAN 1	/			/			/			/			/			/					5	
BAHAGIAN:B																						
SOALAN 1	/			/			/			/			/			/					5	
SOALAN 2		/			/			/			/			/			/				5	
SOALAN 3		/			/			/			/			/			/				4	
SOALAN 4			/			/			/			/			/			/			6	
SOALAN 5		/			/			/			/			/			/				6	
JUMLAH	3	2	1	3	2	1	3	2	1	3	2	1	3	2	1	1	1	1	2	2	1	31

PETUNJUK:

1. Pengetahuan
2. Kefahaman
3. Aplikasi
4. Analisis
5. Sintesis
6. Penilaian

- R: Rendah
S: Sederhana
T: Tinggi